

Analisis Kaedah Penulisan Hadith oleh Hamka dalam Tafsir al-Azhar

[Analysis of The Hadith Writing Methods of Hamka in Tafsir al-Azhar]

BITARA

Volume 5, Issue 2, 2022: 119-135
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 6 Mei 2022
Accepted: 23 Mei 2022
Published: 30 Jun 2022

Imran Ab Rahim¹ & Roshimah Shamsudin¹

1 Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA.
E-mail: roshimah@usm.my

* Corresponding Author: roshimah@usm.my

Abstrak

Tafsir al-Azhar karangan Hamka merupakan antara kitab tafsir Nusantara yang dianggap paling terkenal hingga ke hari ini. Justeru, terdapat banyak kajian yang telah dijalankan mengenainya namun lebih ke arah kajian dari perspektif tafsir. Perkara ini memberi indikasi bahawa kajian mengenai penulisan beliau dari aspek hadith agak terhad, walaupun terdapat kajian berbentuk takhrij al-hadith. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kaedah penulisan hadith yang digunakan oleh beliau dalam Tafsir al-Azhar dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Dalam melaksanakan kajian ini, kaedah pengumpulan data adalah berasaskan metode kepustakaan daripada sumber bertulis Tafsir al-Azhar. Keseluruhan data tersebut dianalisis berasaskan kaedah induktif dan deduktif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Hamka telah menampilkan hadith dalam dua bentuk: [Pertama], teks hadith dalam bahasa Arab yang diletakkan barisnya berserta terjemahannya dalam bahasa Melayu Indonesia. [Kedua], teks hadith secara terjemahan dalam bahasa Melayu Indonesia berserta potongan sebahagian teksnya dalam bahasa Arab dengan diletakkan barisnya. Daripada dua bentuk tersebut, terdapat hadith yang dinyatakan nama pengarang kitab dan perawinya selain terdapat juga hadith yang disertakan nama pengarang kitab tanpa menyebut perawinya. Ini menunjukkan kepelbagaian kaedah Hamka dalam menulis hadith dalam Tafsir al-Azhar.

Kata kunci: Kaedah, Penulisan Hadith, Tafsir al-Azhar, Hamka.

Abstract

Tafsir al-Azhar penned by Hamka stands as one of the distinguished book of Quranic interpretation ever written in the archipelago to date. Generally, there had been copious amounts of studies done on the realm of tafsir but the focus had been on the perspective of Quranic tafsir per se. This indicates that the study on Hamka's work from the aspect of hadith is limited although there had been a research in the form of takhrij al-hadith. Hence, the objective of this research is to study Hamka's writing methodology of the hadiths selected by him in interpreting the al-Quran in his renowned works, the Tafsir al-Azhar. This research is made possible by data collection by means of library research from textual source of Tafsir al-Azhar. The data is wholly analyzed based on inductive and deductive methods. This research finds that the layout of hadith in Hamka's Tafsir al-Azhar is styled in two ways. [First], the hadith texts is quoted intact in Arabic together with its punctuation markers followed by its translation in Indonesian Malay. [Second], the part of the textual hadith is presented in its translated form i.e in the Indonesian Malay language followed by excerpts of its Arabic text with punctuation makers. From the two styles, there are hadiths which bear reference to the author of the book in which the hadith compiled as well as the narrators of the hadith. Alternatively, there are also hadiths which bear reference to the book form which they are sourced per se, devoid of mention

of the narrators of the quoted hadiths. Hence, this illustrates the diverse styles of Hamka in his efforts in writing hadiths in Tafsir al-Azhar.

Keywords: Method, Writing of Hadith, Tafsir al-Azhar, Hamka.

Cite This Article:

Imran Ab Rahim & Roshimah Shamsudin. (2022). Analisis Kaedah Penulisan Hadith oleh Hamka dalam Tafsir al-Azhar [Analysis of The Hadith Writing Methods of Hamka in Tafsir al-Azhar]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(2): 119-135.

Pengenalan

Tafsir al-Azhar telah dihasilkan oleh Haji Abdul Malik Karim Amrullah yang lebih dikenali dengan nama Hamka atau Buya Hamka. Panggilan tersebut merupakan singkatan kepada nama penuhnya. Sewaktu kecil Hamka telah dikenali dengan nama Abdul Malik, manakala Karim adalah nama bapanya iaitu Abdul Karim dan Amrullah adalah nama datuknya iaitu Syeikh Muhammad Amrullah. Beliau dilahirkan di Kampung Tanah Sirah, Nagari Sungai Batang Maninjau, Kecamatan Tanjung Raya, Kabupaten Agam, Sumatera Barat, Indonesia pada 17 Februari 1908 bersamaan 13 Muharam 1362 H (Hamka, 1990).

Hamka dibesarkan dalam kalangan keluarga yang berpegang teguh dan taat kepada agama (Hamka, 1979). Latar belakang keagamaan yang mendasari keluarga Hamka mempunyai pertalian erat dengan pendidikan agama yang dititikberatkan oleh ayahnya. Secara lebih spesifik, ayahnya lebih dikenali dengan panggilan Haji Rasul ketika muda, iaitu bersempena nama asalnya Muhammad Rasul. Namun setelah menunaikan haji, nama tersebut digantikan dengan nama Abdul Karim (M. Yunan Yusuf, 2005) dan semenjak itu beliau dikenali dengan nama Abdul Karim Amrullah bin Syeikh Muhammad Amrullah bin Tuanku Abdullah Saleh (Azra & Umam, 1998). Dari segi latar belakang pendidikan, ayahnya telah mendalami ilmu agama di Mekah dan tinggal di sana selama tujuh tahun bermula dari tahun 1894 hingga 1901. Selain itu, ayahnya juga pernah menjadi guru di Pasentren di Sumatera Thawalib di Padang Panjang (Rahman, 2009). Keilmuan dalam bidang agama yang dimiliki oleh ayahnya terbukti melalui gelaran *Inyik Deer* yang diberikan oleh masyarakat Minangkabau atas ketokohnya dalam ilmu keagamaan (Azra & Umam, 2005). Justeru, ayahnya muncul sebagai ulama besar selain menjadi penggerak reformasi Islam di Minangkabau (Rahman, 2009).

Selain ayahnya, datuk Hamka iaitu Muhammad Amrullah juga pernah mendapat pendidikan di Mekah. Manakala moyang Hamka iaitu Tuanku Abdullah Saleh yang merupakan menantu kepada Tuanku Abdullah Arif atau sering disebut Tuanku Nan Tuo adalah seorang ulama terkemuka yang melakukan pembaharuan Islam terhadap tarekat. Namun, pembaharuan tersebut kemudian menjadi radikal ketika beberapa muridnya seperti Tuanku Nan Renceh yang mahu perubahan secara cepat dan tanpa kompromi. Gerakan tersebut akhirnya telah melahirkan sebuah gerakan baharu iaitu gerakan Perang Paderi di bawah pimpinan Peto Syarif atau lebih dikenali Tuanku Imam Bonjol (Azra & Umam, 1998). Justeru, dari segi susur galur keturunan Hamka jelas bahawa beliau datang daripada keluarga yang alim. Perkara ini disebutkan sendiri oleh Hamka. (Jamil, 2016). Selaras dengan itu, Abdul Manan Shafi'i menyatakan bahawa

Hamka berasal daripada keturunan ulama terkenal di Sumatera (Shafi'i, 2014). Berikutan itu, dapatlah dikatakan bahawa Hamka bukan sahaja berasal daripada keluarga yang mempunyai latar belakang keagamaan yang kuat, bahkan juga dibesarkan dalam lingkungan keluarga yang disegani dan dihormati (Jamil, 2016) dari segi keilmuan dan kedudukan.

Dari sudut pendidikan, meskipun disifatkan sebagai tidak memiliki pendidikan formal yang kuat, ketokohan Hamka sebagai sarjana yang berpengetahuan luas diakui oleh majoriti cendekiawan dan pemimpin Muslim di Indonesia (Jamil, 2016). Malah dari sudut kemasyhuran, Hamka bukan sahaja merupakan antara tokoh Islam terkenal di Nusantara, bahkan diiktiraf di peringkat antarabangsa (Jalil & Kadir, 2013). Ketokohan Hamka sangat terserlah hinggalah beliau telah diberikan gelaran sebagai Datuk Indomo oleh masyarakat Minangkabau yang merupakan gelaran tradisi oleh masyarakat tersebut kerana beliau dianggap sebagai pemelihara adat-istiadat. Gelaran tersebut merupakan gelaran turun temurun dalam adat Minangkabau yang diperoleh daripada datuknya sebelah ibu iaitu Engku Datuk Rajo Endah Nan Tuo, penghulu suku Tanjung (Shafi'i, 2014). Kenyataan ini turut memberi indikasi bahawa beliau dilahirkan dalam suasana masyarakat yang tidak lari daripada adat di negeri kelahirannya iaitu Minangkabau (Yusuff & Sudiro, 2011). Selaras dengan itu juga, Hamka juga dianggap sebagai seorang ulama Minangkabau yang membawa gelaran Tuanku Syeikh yang bermaksud ulama besar (Hamisan, Khosim & Yusoff, 2014) kerana mempunyai autoriti keanggotaan dalam Adat-Istiadat Jabatan Imam Khatib menurut adat Budi Caniago.

Justeru, beliau dinobatkan sebagai ulama karismatik yang sangat produktif dan sukar untuk ditandingi. Sanjungan yang diberikan terhadapnya bertitik tolak daripada khazanah ilmu peninggalannya yang cukup besar, mencecah lebih kurang 118 buah karya yang telah dibukukan, belum termasuk beberapa karangan panjang dan pendek yang terdapat dalam pelbagai media (Anshory, 2017). Dalam erti kata lain, keilmuan dan pemikirannya telah mampu melahirkan banyak penulisan dan yang paling terkenal hingga kini ialah kitab *Tafsir al-Azhar*. Kitab tersebut dianggap istimewa kerana isi kandungannya telah memberi sumbangan besar dalam memahami ayat-ayat Allah SWT yang menjadi panduan kepada masyarakat Islam di Alam Nusantara khususnya di bumi Indonesia (Rouf & Yusoff, 2013). Ringkasnya, ketokohan dan sumbangan Hamka di Nusantara memang tidak dapat disangkal lagi.

Penulisan *Tafsir al-Azhar*

Kajian yang dijalankan ini terhadap kaedah penulisan hadith oleh Hamka dalam *Tafsir al-Azhar* adalah berdasarkan analisis yang dilakukan oleh pengkaji dalam juzuk enam hingga sembilan. Fokus diberikan terhadap juzuk-juzuk tersebut memandangkan ia belum dikaji dalam kajian-kajian terdahulu secara spesifik.

Setelah ditelusuri pengkaji mendapati *Tafsir al-Azhar* disusun berdasarkan urutan surah yang dimulai dengan surah *al-Fātiḥah* dan diakhiri dengan surah *al-Nās* berjumlah 30 juzuk. Pada mulanya Hamka tidak berhasrat untuk menulis sebuah kitab tafsir al-Quran seperti mana *Tafsir al-Azhar* yang menjadi rujukan umat Islam di Indonesia dan Malaysia pada masa sekarang. Usaha ini pada asasnya bermula dengan penyampaian kuliah tafsir oleh Hamka selepas solat subuh di Masjid Agung al-Azhar sejak tahun 1959 yang sebelumnya dikenali dengan nama Masjid Agong Kebayoran Baru. Isi dalam kuliah subuh tersebut telah dicatat

bermula tahun 1959 seterusnya dimuatkan dalam majalah bulanan *Gema Islam* dan diterbitkan buat kali pertama pada 15 Jun 1962 sebagai pengganti kepada majalah *Panji Masyarakat* yang diharamkan oleh Presiden Soekarno di tahun 1960. Penerbitan *Panji Masyarakat* diterajui oleh Hamka bersama dengan KH. Fakih Usman dan H.M. Yusuf Ahmad sebelum menerbitkan majalah *Gema Islam* (Yunan Yusuf, 2003). Pada mulanya isi kuliah Hamka selepas solat subuh di masjid tersebut yang menghuraikan ayat-ayat al-Quran dimuatkan dalam majalah *Panji Masyarakat* secara tersusun. Namun setelah itu pihak berkuasa tidak memberikan keizinan untuk menerbitkan majalah *Panji Masyarakat*. Lebih malang lagi kegiatan Hamka di masjid tersebut mendapat cacian dan fitnah daripada golongan komunis. Setelah itu Hamka memuatkannya dalam majalah *Gema Islam* bagi menggantikan majalah *Panji Masyarakat* (Hamka, 1983).

Setelah penerbitan majalah *Gema Islam* diterbitkan sekian lama lalu timbul hasrat Hamka untuk membukukan pentafsiran ayat-ayat al-Quran mengikut susunan surah. Hasrat ini timbul setelah beliau meneliti bahawa penulisan-penulisan tafsir di Indonesia sebelumnya lebih taasub kepada mazhab yang mereka anuti. Bahkan ada antara mereka yang menghuraikan sesuatu ayat lebih cenderung kepada satu mazhab tertentu sahaja. Melihat kepada perkembangan ini beliau merasakan bahawa masyarakat Islam di Indonesia pada masa itu perlu didedahkan dengan kefahaman agama dan isi kandungan al-Quran secara komprehensif tanpa terikat kepada mazhab tertentu. Oleh sebab itu beliau merasakan perlu untuk menghasilkan kitab tafsir yang boleh menjadi rujukan kepada umat Islam khususnya di Indonesia. Setelah kitab tafsir tersebut berjaya dihasilkan lalu diberi nama *Tafsir al-Azhar* sebagai membalas jasa dan budi Universiti al-Azhar yang telah memberinya penghargaan begitu tinggi dengan gelaran '*Doktor Honoris Causa*' (Hamka, 1983).

Pada 27 Januari 1964 bersamaan 12 Ramadan 1383 setelah Hamka selesai memberikan kuliah rutinnya di Masjid al-Azhar di hadapan lebih kurang seratus orang kaum ibu, beliau ditangkap dan dipenjarakan oleh pemerintah orde lama kerana dianggap menentang pemerintah (Federspiel, 1996). Akhirnya kegiatan pengajian tafsir al-Quran di Masjid tersebut serta penulisannya dalam majalah *Gema Islam* terhenti buat sementara waktu. Di sepanjang penahanannya dalam penjara, beliau berpeluang menulis kembali *Tafsir al-Azhar* (Yusuf, 2003) dan dapat diselesaikan hingga 30 juzuk. Beliau merasakan ada hikmah di sebalik penahanan tersebut kerana sukar baginya untuk menyelesaikan kitab tersebut pada sebelumnya disebabkan usia dan kesibukan dalam melaksanakan dakwah kepada masyarakat (Alviyah, 2016).

Menurut Hamka pentafsiran al-Quran yang berjumlah 30 juzuk itu telah diselesaikan beberapa hari sebelum beliau dipindahkan ke tahanan rumah. Ketika dalam tahanan rumah selama dua bulan lebih, beliau memperbaiki dan menyempurnakan segala kekurangan yang terdapat dalam *Tafsir al-Azhar* (Alviyah, 2016). Tempoh penulisan karya tersebut berlangsung selama lebih kurang tujuh tahun bermula daripada tahun 1959 hingga 1966. Selepas itu Hamka dibebaskan oleh pemerintah Indonesia di bawah pemerintahan orde baru di bawah pemerintahan Soeharto pada 21 Januari 1966 kerana tuduhan ke atasnya tidak dianggap relevan lagi dengan bergantinya pemerintahan baru (Yusuf, 2003).

Penerbitan pertama kitab *Tafsir al-Azhar* dilakukan oleh *Penerbit Pembimbing Masa* di bawah pimpinan yang bernama Mahmud. Cetakan pertama hanya memuatkan juzuk 1 hingga 4. Diikuti penerbitan selepas itu juzuk 30, manakala juzuk 15 hingga 29 diterbitkan oleh *Pustaka Islam Surabaya*. Bagi juzuk 5 hingga 14 diterbitkan oleh *Yayasan Nurul Islam Jakarta*

(Hamka, t.t.). Selepas itu barulah kitab *Tafsir al-Azhar* diterbitkan di Singapura dan Kuala Lumpur dan mutakhir ini diterbitkan oleh Penerbit Pustaka Panjimas Jakarta dan PTS Publishing House Selangor Darul Ehsan (Alviyah, 2016). Ini menunjukkan bahawa penulisan *Tafsir al-Azhar* melalui fasa-fasa yang mencabar sebelum dapat diterbitkan dan tersebar luas ke rantau Nusantara.

Kaedah Penulisan Hadith-hadith dalam *Tafsir al-Azhar*

Berdasarkan penelitian pengkaji daripada segi penulisan hadith dalam *Tafsir al-Azhar*, Hamka didapati membawakan hadith selepas mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an. Namun tidak semua ayat-ayat tersebut ditafsirkan dengan dikemukakan hadith. Kaedah penulisan seumpama ini memberi makna bahawa hadith-hadith yang dibawa adalah mengikut keperluan tanpa diletakkan nombor. Kadangkala setiap ayat dibawakan lebih daripada satu hadith dan tidak dihadkan dengan jumlah tertentu. Sebagai contoh ketika beliau menghuraikan surah *al-Nisā'* ayat 168 iaitu:

"إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَظَلَمُوا لَمْ يَكُنِ اللَّهُ لِيَغْفِرَ لَهُمْ وَلَا إِلَهُدِيهِمْ طَرِيقًا."

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang telah kafir dan telah menganiaya, tidaklah Allah akan mengampuni mereka dan tidaklah Dia akan menunjuki mereka suatu jalan pun”.

Dalam menghuraikan ayat di atas, Hamka membawakan hadith seperti berikut:

"انْقُذُوا دَعْوَةَ الْمَظْلُومِ فَإِنَّهُ لَيْسَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ اللَّهِ حِجَابٌ."

Terjemahan: Takutlah kamu akan doa orang yang dianiaya, kerana sesungguhnya tidak ada di antaranya dengan Allah dinding (Hamka, 1983).

Selain tidak mengemukakan hadith bagi setiap ayat yang ditafsirkan, Hamka juga didapati membawakan pandangan beliau sendiri atau pandangan para ulama, kaedah *uṣūl fiqh*, sejarah syair Arab dan sebagainya. Sebagai contoh dalam surah *al-Nisā'* ayat 148:

"لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلَمَ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا."

Terjemahan: Allah tidaklah suka penyebaran perkataan-perkataan yang buruk kecuali orang yang teraniaya dan adalah Allah itu Mendengar lagi Mengetahui.

Beliau tidak membawakan sebarang hadith sebagai menghuraikan ayat tersebut, sekadar menghuraikan mengikut pandangannya sendiri dengan menceritakan pengalaman bersama gurunya, iaitu seperti berikut:

“Guru kami, Almarhum Zainuddin Labay El-Yunusi seketika mendirikan Sekolah Diniyyah di Padang Panjang pada tahun 1916 menjadi susah hati di dalam memilih buku-buku pelajaran agama, terutama Fiqh yang sesuai diberikan kepada kanak-kanak. Terutama seketika menerangkan darah Haidh dan Nifas, yang kalau diterangkan menurut yang tertulis dalam buku-buku Fiqh saja, terutama kepada kanak-kanak perempuan yang belum patut mendengarnya sangatlah menyinggung perasaan, demikianpun tentang syarat-syarat yang menyebabkan wajib mandi Junub...”(Hamka, 1983).

Selain daripada itu, mengenal pasti teks hadith adalah penting dalam *Tafsir al-Azhar* untuk membezakan sama ada teks tersebut daripada kata-kata ulama, para Sahabat atau selainnya. Namun kebanyakan teks-teks hadith yang dinyatakan dapat dikenal pasti dan dapat dibezakan dengan kenyataan lain. Hal ini dapat dilihat melalui ungkapan atau kata-kata yang digunakan oleh beliau sebelum atau selepas menulis sesuatu hadith. Sebahagian ungkapan atau kata-kata tersebut dinyatakan dengan menyebut sumber hadith iaitu rujukan asal kitab hadith seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan al-Nasā’ī* atau sebagainya. Antara contoh ungkapan yang lazim digunakan oleh beliau adalah seperti berikut iaitu:

- a. “...dalilnya ialah hadith yang dikeluarkan oleh Muslim dalam sahihnya, katanya...”
- b. “Pendirian ini diperkuatkan lagi dengan sebuah hadith: ...”
- c. “Kemudian datang pula hadith yang menjelaskan lagi: ...”
- d. “...dan sebuah hadith lagi dari Abū Tha’labah: ...”
- e. “...tersebut di dalam satu hadith yang *sahih*: ...”
- f. “...Rasulullah SAW dalam hadith yang *sahih*...”

Dalam sesetengah keadaan didapati hadith-hadithnya berada di pertengahan riwayat atau dalam bentuk cerita sirah yang dibawakan oleh beliau. Keadaan ini boleh menyebabkan timbul kesukaran dalam menentukan sama ada kisah tersebut termasuk dalam riwayat hadith ataupun sekadar riwayat sirah. Sebagai contoh ketika beliau menghuraikan ayat 149 daripada surah *al-Nisā’*:

"إِنْ تُبْدُوا خَيْرًا أَوْ تُخَفُّوهُ أَوْ تَعْفُوا عَنْ سُوءٍ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ عَفُورًا قَدِيرًا."

Terjemahan: Jika mahu memperlihatkan kebaikan atau kamu menyembunyikannya atau kamu memberi maaf dari satu keburukan maka sesungguhnya Allah adalah Maha Pemaaf lagi Maha Berkuasa.

Dalam menghuraikan ayat di atas, beliau membawakan cerita seperti berikut:

"Malahan ada Yahudi mengucapkan “Assamu‘alaikum” kepada Rasulullah, padahal Assamu‘alaikum artinya ialah “Matilah Kamu!” Ketika menjawabnya Rasulullah tidak menyebut kembali kata-kata itu, misalnya “Wa ‘alaikummus-Salam.” Melainkan beliau sebut saja dengan ucapan: Wa ‘alaikum.” Dan seketika isteri beliau Aisyah bertanya mengapa hanya begitu menjawab ucapan

yang tidak senonoh itu, beliau katakan bahwa orang yang beriman tidaklah keluar dari mulutnya kata-kata yang keji” (Hamka, 1983).

Sehubungan dengan itu, bentuk-bentuk hadith yang ditampilkan oleh Hamka dalam tafsirnya boleh dibahagikan kepada lima bentuk penulisan. Pertama, aspek penulisan matan hadith. Kedua, aspek terjemahan hadith. Ketiga, Aspek pernyataan sumber hadith. Keempat, Aspek pernyataan status hadith. Kelima, aspek huraian dan penjelasan hadith. Bentuk-bentuk tersebut adalah seperti berikut:

Aspek Penulisan *Matan* Hadith.

Daripada aspek penulisan *matan* hadith, pengkaji telah membahagikannya kepada lima pecahan seperti berikut:

i. Bentuk Penulisan *Matan* hadith.

Pengkaji mendapati beliau telah menampilkan *matan* hadith dalam dua bentuk seperti berikut:

a. *Matan* hadith yang ditampilkan dalam bahasa Arab secara lengkap. Sebagai contohnya, adalah seperti berikut:

"عَنْ عُمَرَ بْنِ أَبِي سَلَمَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: سَمَّ اللَّهُ وَكُلَّ بِيَمِينِكَ وَكُلَّ مِمَّا يَلِيكَ" (رواه البخاري ومسلم)

Terjemahan: “Daripada ‘Umar bin Abu Salamah (RA) berkata dia: Berkata Rasulullah SAW: Sebut nama Allah dan makan dengan tangan kanan dan hendaklah engkau makan makanan yang di sekeliling engkau saja”. (diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim) Hamka, 1983).

b. *Matan* hadith ditampilkan dengan sebahagian teksnya dalam bahasa Arab yang diikuti dengan terjemahannya dalam bahasa Melayu Indonesia secara kefahaman. Antara contohnya adalah seperti berikut:

Kami pernah diajarkan oleh Rasulullah SAW melakukan *istikharah* dalam hal ehwal kami, sebagaimana beliau mengajarkan satu surah dalam al-Quran juga. Maka Nabi berkata: Apakah seorang kamu merasa sulit suatu perkara, hendaklah dia sembahyang dua rakaat, yang bukan sembahyang fardu. Setelah itu hendaklah dia baca:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَخِيرُكَ بِعِلْمِكَ وَأَسْتَعِذُّكَ بِقُدْرَتِكَ وَأَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ الْعَظِيمِ فَإِنَّكَ تَقْدِرُ وَلَا أَقْدِرُ وَتَعْلَمُ وَلَا أَعْلَمُ وَأَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ هَذَا الْأَمْرَ (يسميه باسمه) خَيْرٌ لِي فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أُمْرِي عَاجِلِهِ وَأَجَلِهِ فَأَقْدِرْهُ لِي وَيَسِّرْهُ لِي ثُمَّ بَارِكْ لِي فِيهِ وَإِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّهُ شَرٌّ لِي فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أُمْرِي فَاصْرِفْني عَنْهُ وَاصْرِفْهُ عَنِّي وَاقْدِرْ لِي الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ ثُمَّ رَضِنِي بِهِ.

Terjemahan: Ya Allah, sesungguhnya aku memohon pilihan Engkau sendiri dengan ilmu Engkau, dan memohon kekuatan, berkat Qudrat Engkau, dan aku pun memohon, demi kurnia Engkau yang Agung kerana yang Maha berkuasa adalah Engkau, sedang aku tidaklah berkuasa, dan Engkaulah yang Maha Mengetahui, sedang aku tidaklah mengetahui apa-apa dan Engkau adalah lebih mengetahui segala yang ghaib. Ya Tuhanku, jika Engkau mengetahui bahawa pekerjaan ini (lalu diterangkan apa yang dimaksudkan) ada baiknya bagi aku, pada hal agamaku dan duniaku dan perikehidupanku dan akhirat terakhir dari urusanku dan kesudahannya, dunia dan akhiratnya maka takdirkanlah dia buat aku, permudahkanlah dia bagi aku. Kemudian itu, berilah aku berkat padanya dan jika Engkau mengetahui bahawasanya dia adalah buruk buat aku dalam hal agamaku dan duniaku dan kehidupanku dan akibat pekerjaanku, maka sudilah kiranya memalingkan aku daripadanya dan memalingkan dia daripadaku. Bagaimana pun akan jadinya, kebaikan jualah kiranya yang Tuhan takdirkan buatku dan ridha Engkau jua yang ku harapkan (Hamka, 1983).

Pengkaji berpandangan potongan *matan* tersebut dikemukakan dalam bahasa Arab memandangkan ia adalah doa daripada Nabi SAW. Berdasarkan semakan pengkaji, doa tersebut terdapat dalam *Sahih al-Bukhari* (Al-Bukhari, 2015) dengan *matan* yang hampir sama. Namun, terdapat sedikit perbezaan lafaz pada *matannya*. Namun dalam *Sahih al-Bukhari*, doa tersebut merupakan sebahagian daripada *matan* yang terdapat pada akhir hadith. Bahagian awal hadith bermula dengan *matan* seperti berikut (Al-Bukhari, 2015):

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُ أَصْحَابَهُ الْإِسْتِخَارَةَ فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا، كَمَا يُعَلِّمُهُمُ السُّورَةَ مِنَ الْقُرْآنِ يَقُولُ: " إِذَا هُمْ أَحَدُكُمْ بِالْأَمْرِ فَلْيَرْكَعْ رَكَعَتَيْنِ مِنْ غَيْرِ الْفَرِيضَةِ، ثُمَّ لِيَقُلْ:...

Matan inilah yang telah diterjemahkan oleh Hamka sebelum mendatangkan *matan* hadith yang berbentuk doa tersebut iaitu “Kami pernah diajarkan oleh Rasulullah SAW melakukan *istikharah* dalam hal ehwal kami, sebagaimana beliau mengajarkan satu surah dalam al-Quran juga. Maka Nabi berkata: Apakah seorang kamu merasa sulit suatu perkara, hendaklah dia sembahyang dua rakaat, yang bukan sembahyang fardu. Setelah itu hendaklah dia baca... (Hamka, 1983). Ini memberi indikasi bahawa Hamka kadang kala tidak mendatangkan keseluruhan *matan* hadith dalam bahasa Arab.

i. *Matan* hadith yang diletakkan baris.

Pengkaji telah mendapati kesemua hadith yang ditampilkan oleh Hamka dalam juzuk enam hingga tujuh telah diletakkan barisnya. Sebagai contoh hadith yang diletakkan baris adalah seperti berikut:

"مَنْ بَلَغَهُ الْقُرْآنُ حَتَّى يَفْهَمَهُ وَيَعْقِلَهُ كَانَ كَمَنْ عَايَنَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَلَّمَهُ."

Terjemahan: Sesiapa yang telah sampai kepadanya al-Quran lalu difahamkannya dan diperhatikannya dengan akalanya samalah ertinya dia dengan

orang yang telah melihat Nabi SAW dengan mata kepala sendiri dan bercakap-cakap dengan Nabi SAW (Hamka, 1983).

- ii. *Matan* yang dijelaskan nama perawi yang meriwayatkan *hadith*.

Matan *hadith* yang ditampilkan oleh Hamka yang telah dijelaskan perawi *al-A'la* dalam kalangan Sahabat berjumlah 62 peratus. Sebagai contoh *hadith* yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī daripada Anas bin Mālik RA. Rasulullah SAW pernah menyatakan bahawa Kota Madinah merupakan Tanah Haram dengan sabdanya seperti berikut:

"الْمَدِينَةُ حَرَامٌ مَنْ كَذَّأَ إِلَى كَذَّأٍ لَا يُقَطَّعُ شَجَرُهَا وَلَا يُحْدَثُ فِيهَا حَدَّثٌ مَنْ أَحْدَثَ حَدَّثًا فَعَلَّيْهِ لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةُ وَالنَّاسُ أَجْمَعِينَ"

Terjemahan: "Madinah adalah Tanah Haram dari batas sini ke batas sana, pohonnya tidak boleh dipotong dan tidak boleh dilakukan apapun padanya. Barangsiapa yang melakukan maka ke atasnya akan dilaknat oleh Allah, Malaikat dan manusia sekalian" (Hamka, 1983).

Bagi *hadith* tersebut, Hamka menyatakan bahawa ia diriwayatkan oleh Sahabat Nabi SAW iaitu Anas bin Malik RA di samping menjelaskan sumber *hadith* iaitu *Sahih al-Bukhari*.

Kaedah penulisan yang mengemukakan nama perawi juga dapat dilihat ketika Hamka menafsirkan ayat 83 daripada surah *al-Mā'idah* seperti berikut:

"وَإِذَا سَمِعُوا مَا أُنْزِلَ إِلَى الرَّسُولِ تَرَى أَعْيُنُهُمْ تَفِيضُ مِنَ الدَّمْعِ مِمَّا عَرَفُوا مِنَ الْحَقِّ يَقُولُونَ رَبَّنَا آمَنَّا فَاكْتُبْنَا مَعَ الشَّاهِدِينَ."

Terjemahan: "Dan apabila mereka mendengar apa yang diturunkan kepada Rasul akan engkau lihat air mata mereka mengalir lantaran apa yang mereka ketahui sebahagian daripada kebenaran, mereka pun berkata: Ya Tuhan kami, kami telah percaya sebab itu tuliskanlah kami daripada golongan orang-orang yang menyaksikan" (Hamka, 1983).

Sebagai menghuraikan ayat di atas, Hamka telah menampilkan terjemahan *hadith* dalam bahasa Melayu Indonesia. *Hadith* tersebut telah diriwayatkan daripada Ibn Abī Syaibah dan Ibn Abī Hātim dan Abū Nu‘aim dari Ibn Syihab, dia berkata: Telah mengkhabarkan kepadaku Sa‘id bin al-Musayyib dan Abū Bakar bin ‘Abd Raḥmān dan al-Ḥārith Ibn Hisyām dan ‘Urwah bin Zubair, mereka semuanya mengatakan seperti berikut:

"Bahawa Rasulullah SAW telah mengutus Amr bin Umaiyah al-Damrī membawa sepucuk surat kepada Najāsyī. Maka pergilah ia menghadap Najasyī dan dibacalah surat Rasulullah itu. Jadi rupanya isi surat Rasulullah SAW itu ialah meminta supaya sudi kiranya Najasyī memberikan perlindungan kepada Sahabat-Sahabat beliau yang datang untuk berlindung diri ke negeri itu, diketuai

oleh Ja'far bin Abī Ṭālib. Maka setelah baginda Raja Najasyī mendengar isi surat Rasulullah yang dibacakan baginda memanggil orang-orang *Muhājirīn* bersama ketuanya sekali iaitu Ja'far. Kemudian baginda memanggil pendeta-pendeta dan rahib-rahib supaya mereka turut hadir ke majlis itu. Kemudian baginda menyuruh Ja'far membaca sebahagian dari ayat-ayat al-Quran di hadapan pendeta-pendeta dan rahib-rahib itu. Ja'far pun membaca surah *Maryam*. Mendengar surah dibacakan berimanlah mereka semua yang ada dan bercucuran air mata mereka mendengarnya" (Hamka, 1983).

Bagi hadith tersebut, Hamka membawakan hadith yang diriwayatkan yang oleh empat orang tabi'in iaitu Sa'id bin al-Musayyib, Abū Bakar bin 'Abd Raḥmān, al-Ḥārith Ibn Hisyām dan 'Urwah bin Zubair yang kesemuanya melalui sanad Ibn Syihab. Riwayat tersebut telah dikeluarkan oleh empat orang pengarang karya hadith yang tidak kurang masyhurnya iaitu Ibn Abi Syaibah, Ibn Abi Hatim dan Abu Nu'aim.

Selain itu, terdapat juga hadith-hadith yang tidak dinyatakan nama perawi, contohnya dapat dilihat ketika Hamka menghuraikan ayat 149 dalam surah *al-Nisā'* seperti berikut:

"إِنْ تَبْدُوا خَيْرًا أَوْ تُخْفُوا أَوْ تَعْفُوا عَنْ سُوءٍ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ عَفُورًا قَدِيرًا."

Terjemahan: "Jika kamu melahirkan sesuatu kebaikan atau kamu menyembunyikan atau kamu memaafkan sesuatu kesalahan maka sesungguhnya Allah adalah Maha Pemaaf lagi Maha Berkuasa."

Dalam menghuraikan ayat di atas, beliau menampilkan *matan* hadith seperti berikut:

"مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بِعَفْوٍ إِلَّا عِزًّا وَمَا تَوَاضَعُ أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ."

Terjemahan: "Sedekah tidak akan mengurangi harta yang ada dan hamba Allah yang sudi memberi kemaafan tidaklah akan ditambah oleh Allah melainkan diberi kemuliaan dan seorang yang rendah hati (*tawaddu'*) kerana Allah tidaklah akan hina melainkan akan diangkat Allah martabatnya" (Hamka, 1983).

Bagi hadith ini, Hamka hanya menyebut ia adalah daripada riwayat Muslim tanpa menyebut nama Sahabat mahupun Tabi'in.

Ringkasnya, jumlah 62 peratus daripada keseluruhan hadith yang terdapat dalam juzuk enam hingga sembilan memperlihatkan bahawa kebanyakan hadithnya dinyatakan nama perawi *al-A'la* iaitu Sahabat yang meriwayatkan hadith daripada Nabi SAW.

iii. Jenis Hadith

Jenis hadith yang ditulis oleh Hamka kesemuanya terdiri daripada hadith-hadith Nabawi yang merujuk kepada apa-apa yang dinisbahkan kepada Nabi SAW sama ada daripada segi percakapan, perbuatan, *taqrir* atau sifat baginda. Penelitian pengkaji dalam juzuk enam hingga sembilan turut mendapati tidak terdapat hadith Nabi SAW dalam bentuk hadith *Qudsi*. Terdapat

juga *athar* daripada para Sahabat namun ia tidak termasuk dalam skop kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Antara contoh hadith dalam jenis ini adalah hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Ibn ‘Abbās RA. Hadithnya adalah seperti berikut:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ مِنَ السَّبَاعِ وَعَنْ كُلِّ ذِي مَخْلَبٍ مِنَ الطَّيْرِ.

Maksudnya: Telah melarang Rasulullah SAW memakan tiap-tiap binatang buas yang bersiung, dan tiap-tiap yang mempunyai kuku pencengkeraman daripada burung (Hamka, 1983).

Aspek Terjemahan Hadith

Kaedah Hamka dalam menterjemahkan hadith boleh dibahagikan kepada dua pecahan seperti berikut:

- i. Hadith yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu Indonesia secara lengkap.

Pengkaji mendapati kesemua *matan* hadith yang ditampilkan dalam bahasa Arab telahpun diterjemahkan secara lengkap ke dalam bahasa Melayu Indonesia sama ada *matan* hadith itu panjang ataupun pendek. Sebagai contoh hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Jābir RA. adalah seperti berikut:

أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقَتْلِ الْكِلَابِ حَتَّىٰ إِنَّ الْمَرْأَةَ تَقْدُمُ مِنَ الْبَادِيَةِ بِكَلْبِهَا فَتَقْتُلُهُ ثُمَّ نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ قَتْلِهَا وَقَالَ: عَلَيْكُمْ بِالْأَسْوَدِ الْبَيْهَمِ ذِي النُّقْطَتَيْنِ فَإِنَّهُ شَيْطَانٌ.

Maksudnya: Rasulullah SAW pernah memerintahkan kami membunuh anjing, sehingga seorang perempuan dari desa membawa anjingnya, lalu kami bunuh juga. Kemudian Rasulullah pernah melarang kami membunuhnya dan beliau bersabda: Kamu bunuh saja anjing hitam yang ada dua titik (di atas kedua matanya), sebab ia adalah syaitan (Hamka, 1983).

- ii. Hadith-hadith yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu Indonesia berasaskan kefahaman berjumlah 38 peratus. Sebagai contoh hadith yang telah diriwayatkan daripada Ibn Abū Syaibah dan Ibn Abū Ḥātim dan Abū Nua‘im dari Ibn Syihab, dia berkata: Telah mengkhabarkan kepadaku Sa‘īd bin al-Musayyib dan Abū Bakar bin ‘Abd Raḥmān dan al-Ḥārith Ibn Hisyām dan ‘Urwah bin Zubair, mereka semuanya mengatakan seperti berikut:

“Bahawa Rasulullah SAW telah mengutus Amr bin Umaiyah al-Damrī membawa sepucuk surat kepada Najasyī. Maka pergilah ia menghadap Najasyī dan dibacalah surat Rasulullah itu. Jadi rupanya isi surat Rasulullah SAW itu ialah meminta supaya sudi kiranya Najasyī memberikan perlindungan kepada Sahabat-Sahabat beliau yang datang untuk berlindung diri ke negeri itu, diketuai

oleh Ja'far bin Abī Ṭālib. Maka setelah baginda Raja Najasyī mendengar isi surat Rasulullah yang dibacakan baginda memanggil orang-orang *Muhājirīn* bersama ketuanya sekali iaitu Ja'far. Kemudian baginda memanggil pendeta-pendeta dan rahib-rahib supaya mereka turut hadir ke majlis itu. Kemudian baginda menyuruh Ja'far membaca sebahagian dari ayat-ayat al-Quran di hadapan pendeta-pendeta dan rahib-rahib itu. Ja'far pun membaca surah *Maryam*. Mendengar surah dibacakan berimanlah mereka semua yang ada dan bercucuran air mata mereka mendengarnya" (Hamka, 1983).

Aspek Penyataan Sumber Hadith

Pengkaji telah mendapati bahawa beliau tidak melakukan *takhrij al-hadith* secara terperinci terhadap setiap hadith yang ditampilkan melainkan sebahagian hadith sahaja yang dijelaskan sumbernya secara ringkas. Pada asasnya, *takhrij al-hadith* merujuk kepada suatu ilmu yang membincangkan kaedah dan metode bagi memastikan asal usul sesebuah hadith dari sumber-sumbernya yang muktabar dan menilai statusnya berdasarkan kaedah penilaian yang tepat. Ia adalah satu kajian yang menyeluruh dari segenap aspek terhadap hadith dan merupakan pelaksanaan berbentuk amali bagi ilmu hadith secara keseluruhan (Deraman, 2001). Pengkaji mendapati hadith-hadith tersebut berjumlah 76 peratus. Antara contohnya ialah hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī daripada Anas bin Mālik RA bahawa Rasulullah SAW pernah menyatakan Kota Madinah merupakan Tanah Haram dengan sabdanya seperti berikut:

"الْمَدِينَةُ حَرَامٌ مِّنْ كَذَا إِلَى كَذَا لَا يُقَطَّعُ شَجَرُهَا وَلَا يُحْدَثُ فِيهَا حَدَثٌ مَّنْ أَحْدَثَ حَدَثًا فَعَلَيْهِ لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ"

Terjemahan: "Madinah adalah Tanah Haram dari batas sini ke batas sana, pohonnya tidak boleh dipotong dan tidak boleh dilakukan apapun padanya. Barangsiapa yang melakukan maka ke atasnya akan dilaknat oleh Allah, Malaikat dan manusia sekalian" (Hamka, 1983).

Dalam hal ini, hanya nama pengarang karya yang disebut iaitu al-Bukhari di samping menyebut nama sahabat yang meriwayatkannya iaitu Anas bin Malik RA. Dari aspek *takhrij*, Hamka telah menyandarkan hadith tersebut kepada sumber asalnya.

Bagi contoh hadith yang tidak dijelaskan sumbernya dapat dilihat ketika Hamka menghuraikan surah *al-An'ām* pangkal ayat 19 iaitu [قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَادَةً] yang bermaksud: *Katakanlah, siapakah yang lebih besar kesaksiannya?* Bagi menghuraikan ayat berkenaan, beliau telah menampilkan hadith seperti berikut:

"مَنْ بَلَغَهُ الْقُرْآنُ حَتَّى يَفْهَمَهُ وَيَعْقِلَهُ كَانَ كَمَنْ عَايَنَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَلَّمَهُ."

Terjemahan: Sesiapa yang telah sampai kepadanya al-Quran lalu difahamkannya dan diperhatikannya dengan akalanya samalah ertinya dia dengan orang yang telah melihat Nabi SAW dengan mata kepalanya sendiri dan bercakap-cakap dengan Nabi SAW (Hamka, 1983).

Hadith tersebut telah dibawa oleh Hamka tanpa menyatakan sumber asal hadith dan juga nama perawi yang meriwayatkannya.

Bagi hadith-hadith yang tidak dinyatakan nama pengarang karya yang dibawa oleh Hamka, pengkaji berpandangan ia mempunyai pertalian dengan kaedah beliau yang didapati menukilkannya daripada kitab-kitab tafsir yang dihasilkan oleh tokoh tafsir terdahulu yang terkenal seperti *Tafsir al-Tabari*, *Tafsir al-Qurtubi* dan *Tafsir Ibn Kathir*. Kenyataan ini adalah selaras dengan dapatan yang dikemukakan oleh Ahmad Zahiruddin dan Muhammad Rozaimi Ramle iaitu seperti berikut:

“Setelah melihat dan membaca Juzuk Amma dalam *Tafsir al-Azhar*, saya dapati bahawa HAMKA banyak menukilkan riwayat daripada kitab tafsir silam semisal *Tafsir al-Tabari*, *Tafsir al-Qurtubi* dan *Tafsir Ibn Kathir*. Cuma Prof. Dr. HAMKA tidak menyatakan status bagi riwayat tersebut dan banyak juga riwayat yang beliau tidak nyatakan sumbernya” (Ahmad Zahiruddin & Muhammad Rozaimi, 2017).

Petikan di atas membuktikan bahawa Hamka mengambil pendekatan untuk menampilkan sebahagian hadith yang terdapat dalam *Tafsir al-Azhar* dengan cara memetik hadith daripada karya-karya tafsir silam karangan ulama tafsir tersohor. Berikutan itu, beliau tidak menjelaskan nama karya yang menjadi sumber hadith.

Aspek Penyataan Status Hadith

Berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati tidak semua hadith yang dimuatkan oleh Hamka dinyatakan statusnya. Dalam hal ini, Hamka didapati telah menyatakan status hadith secara ringkas terhadap beberapa hadith yang ditampilkan dengan menyatakan sebagai sahih atau *hasan*. Kaedah ini didapati berjumlah sepuluh peratus sahaja. Antara contohnya adalah seperti berikut:

“Terdapat dalam satu hadith yang sahih:

"مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بِعَفْوٍ إِلَّا عِزًّا وَمَا تَوَاضَعَ أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ."

Terjemahan: “Sedekah tidak akan mengurangi harta yang ada dan hamba Allah yang sudi memberi kemaafan tidaklah akan ditambah oleh Allah melainkan diberi kemuliaan dan seorang yang rendah hati (*tawaddu* ‘) kerana Allah tidaklah akan hina melainkan akan diangkat Allah martabatnya” (Hamka, 1983).

Selain itu, tidak dinafikan bahawa Hamka juga turut menggunakan beberapa ungkapan untuk menjelaskan status beberapa hadith, antaranya seperti berikut:

- a. Dengan *isnād* yang *hasan*.
- b. Hadith *sahih*.
- c. Hadith ini *sahih*.

- d. Hadith ini *hasan*.
- e. Disahihkan oleh al-Tirmidhī.
- f. Hadith *hasan* daripada al-Dārquṭnī.
- g. Hadith ini *hasan* dan *gharīb*.
- h. Al-Tirmidhī menyatakan hadith ini *hasan* manakala Abū Ḥātim al-Rāzī memastikan bahawa hadith ini *sahih*.

Pada hemat pengkaji, penggunaan ungkapan-ungkapan tersebut mempamerkan bahawa Hamka berusaha menjelaskan beberapa isyarat yang berkaitan dengan pernyataan status hadith walaupun dalam ruang lingkup yang kecil daripada perspektif *takhrij al-hadith*. Perkara ini bukanlah sesuatu yang asing memandangkan beliau bukanlah tokoh yang mendalami bidang hadith secara khusus. Perkara ini diakui oleh Hamka sendiri seperti yang dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Adapun penafsir ini sendiri, tidaklah seorang yang menempuh spesialisasi di dalam salah satu cabang ilmu Islam, cuma mengetahui secara merata dan meluas pada tiap-tiap cabang ilmu itu. Biasanya ilmu yang meluas rata itu tidaklah mendalam. Laksana seorang dokter membuka praktek untuk umum, tahulah dia serba sedikit dalam setiap cabang ilmu kedokteran, tetapi tidak ada yang mendalam dalam salah satunya” (Hamka, 1983).

Petikan tersebut memperlihatkan ketelusan Hamka dalam menjelaskan keilmuannya sekaligus mempamerkan sifat tawaduknya.

Selain itu, setakat penelitian terhadap hadith-hadith dalam juzuk enam hingga tujuh dalam *Tafsir al-Azhar* mendapati jumlah keseluruhan hadith adalah sebanyak 55 buah hadith. Berdasarkan *takhrij al-hadith* yang dilakukan terhadap hadith-hadith tersebut, status bagi setiap hadith dalam juzuk-juzuk tersebut adalah seperti berikut:

Juzuk ke-6:

Pembahagian hadith-hadith *Tafsir al-Azhar* berdasarkan status hadith dalam juzuk ke-6

No	Status Hadith	Jumlah Hadith
1	Sahih	21
2	<i>Hasan</i>	4
3	<i>Da'if</i>	1
4	Terlalu <i>da'if</i>	1
5	Hadith palsu	1
6	Hadith yang tidak dapat dikesan	1
	Jumlah	29

Juzuk ke-7:

Pembahagian Hadith-hadith *Tafsir al-Azhar* berdasarkan hadith dalam juzuk ke-7

No	Status Hadith	Jumlah Hadith
1	Sahih	21
3	<i>Hasan</i>	2
5	<i>Da'if</i>	1
6	Terlalu <i>da'if</i>	0
7	Hadith yang tidak dapat dikesan	0
8	Hadith palsu	2
	Jumlah	26

Berdasarkan jadual di atas, jelas bahawa hadith dalam kategori sahih merupakan hadith yang paling banyak dibawakan oleh Hamka dalam penulisanannya bagi juzuk ke-6 dan ke-7, diikuti dengan hadith *hasan*, yang juga masih termasuk dalam kategori *hadith maqbulah* iaitu hadith yang diterima. Manakala hadith yang berstatus *da'if* dan terlalu *da'if* adalah kecil iaitu sebanyak tiga buah hadith. Walau bagaimanapun, terdapat juga hadith palsu iaitu sebanyak dua buah hadith.

Aspek Huraian dan Penjelasan Hadith

Pengkaji mendapati hanya terdapat tiga peratus sahaja hadith-hadith yang ditampilkan itu telah dihuraikan oleh beliau. Sebagai contoh hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad, al-Bukhari dan Muslim seperti berikut:

"إِنَّ أَحَقَّ الشُّرُوطِ أَنْ تُؤْفُوا بِهِ مَا اسْتَحْلَلْتُمْ بِهِ الْفُرُوجَ"

Terjemahan: "Sesungguhnya syarat-syarat yang lebih penting (dari yang lain-lain) untuk dipenuhi ialah syarat-syarat untuk menghalalkan *faraj*" (Hamka, 1983).

Beliau telah menghuraikan *matan* hadith di atas seperti berikut:

"Artinya, *faraj* (kehormatan) seorang perempuan adalah haram bagi seorang laki-laki. Inilah pokok! Barulah halal setelah diadakan 'aqad nikah yang terjadi daripada ijab wali si perempuan dan qabul si mempelai laki-laki. Itulah soal sebabnya mengapa qadhi-qadhi atau wali-wali memegang tangan bakal suami seketika akan dilakukan 'aqad nikah, supaya 'aqad itu lebih kelihatan. Sebelum nikah di'aqadkan si perempuan yang akan menyerahkan dirinya menjadi isteri boleh mengemukakan syarat-syarat sebelum dia terikat. Demikian pula laki-laki dapat pula memikirkan lebih dalam jika syarat-syarat yang dikemukakan

perempuan itu tidak akan dapat dipenuhi, lalu dia mengundurkan diri tidak jadi nikah.

Oleh itu maka menurut ijthad dari Imam Ahmad bin Hanbal, seorang perempuan sebelum diikat oleh ‘aqad itu boleh mengemukakan syarat bahawa bakal suaminya itu tidak boleh beristeri lain...”(Hamka, 1983).

Ini menunjukkan bahawa Hamka menjelaskan makna salah satu lafaz yang terdapat dalam *matan* hadith tersebut iaitu *al-furuj* dan menjelaskan hukum yang berkaitan dengannya.

Kesimpulan

Penulisan hadith dalam *Tafsir al-Azhar* oleh Hamka memperlihatkan kaedah yang tersendiri. Hadith-hadith tersebut yang ditampilkan oleh beliau adalah sebagai huraian kepada ayat-ayat al-Quran yang ditafsirkan olehnya. Namun tidak kesemua ayat al-Quran dihurai dengan membawakan hadith. Huraian hadith kepada ayat-ayat al-Quran ini adalah selaras dengan kaedah *tafsir bi al-ma'thur*, kaedah lazim yang digunakan oleh tokoh tafsir dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran.

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kaedah penulisan hadith dalam *Tafsir al-Azhar* juzuk enam dan tujuh, didapati teks-teks hadithnya ditampilkan dalam lima bentuk penulisan iaitu aspek penulisan *matan* hadith, aspek terjemahan hadith, aspek pernyataan sumber hadith, aspek pernyataan status hadith dan aspek huraian serta penjelasan hadith. Dari aspek-aspek tersebut, Hamka didapati telah konsisten dalam meletakkan baris pada *matan* yang ditampilkan dalam bahasa Arab. Namun beliau tidak konsisten dalam menampilkan teks hadith dalam bahasa Arab dan menjelaskan nama perawi yang meriwayatkan hadith. Begitu juga dari aspek terjemahan hadith, kadang-kala beliau telah menterjemah *matan* hadith secara lengkap dan kadang-kala menampilkan terjemahan hadith berasaskan kefahaman sahaja.

Selain itu, beliau juga didapati tidak konsisten dalam menjelaskan sumber hadith, status hadith dan huraian hadith. Terdapat hadith-hadith yang diberi isyarat oleh beliau mengenai statusnya dan perkara ini dapat dilihat melalui penggunaan beberapa ungkapan tertentu yang digunakan olehnya dalam menjelaskan status hadith-hadith tersebut, meskipun tidak kesemuanya. Berdasarkan semakan pengkaji, terdapat juga hadith *da'if* dan *mawdu'* pada juzuk enam dan tujuh dalam *Tafsir al-Azhar*, namun jumlah hadith-hadith yang berstatus sahih dan *hasan* adalah lebih banyak. Kesimpulannya, kaedah penulisan hadith dalam *Tafsir al-Azhar* telah memperlihatkan gaya penulisannya yang tersendiri dan mudah difahami dalam usaha mentafsirkan ayat-ayat al-Quran sebagai rujukan kepada masyarakat Melayu di alam Nusantara.

Rujukan

- Alviyah, A. (2016). Metode penafsiran Buya Hamka dalam tafsir al-Azhar. *Ilmu Ushuluddin*. 15 (1), 25-35.
- Anshory, A. (2017). Metode dakwah rasul ulu al-‘azmi menurut Hamka dalam tafsir al-Azhar, Tesis Ijazah Kedoktoran. Universiti Teknologi Mara. Skudai Johor.

- Aziz, A. R. A. (2009). Nilai mencapai kehidupan sejahtera: pandangan Hamka. *Malim*. 10, 123-143.
- Azra, A. & Umam, S. (1998). *Tokoh dan pemimpin agama: biografi sosial-intelektual*. Limbang RI dan Pusat Pengajian Islam dan Masyarakat: Jakarta.
- al-Bukhārī, M. I. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. (2015). Muḥammad Zuhayr bin Nāsir al-Nāsir (ed.). Beirut: Dar Tawq al-Najah.
- Deraman, F. (2001). Ilmu takhrij al-hadith: pengertian, sejarah dan kepentingan, *Jurnal Usuluddin*. 14, 55-64.
- Federspiel, H. M. (1996). *Kajian al-Quran di Indonesia: dari Mahmud Yunus hingga Quraish Shihab*. Terj. oleh Tajul Arifin dari Popular Indonesian Literature of Quran. cet. 1. Penerbit Mizan: Bandung.
- Hamisan, N. S. , Khosim, N. & Yusoff, A.M. (2014). Gaya persembahan tafsir Al-Azhar dan tafsir ‘Abr Al-Athir: satu perbandingan bagi penafsiran surah Al-Mujadalah. *Journal of Ma ‘ālim al-Qur’ān wa al-Sunnah*. 9 (10), 274-292
- Hamka. (1979). *Kenang-kenangan hidup*. Bulan Bintang: Jakarta.
- Hamka. (1982). *Ayahku*. Pustaka Panjimas: Jakarata, cet. IV.
- Hamka. (1983). *Tafsir al-Azhar*. PT Pustaka Panjimas: Jakarta.
- Hamka. (1984). *Islam dan adat Minangkabau*. Pusaka Panjimas: Jakarta.
- Hamka. (1990). *Tasawuf modern*. Pustaka Panjimas: Jakarta.
- Hamka. (t.t). *Mensyukuri tafsir al-Azhar*. Panji Masyarakat: Jakarta.
- Jalil, M.H. & Kadir, F. A. A. (2013). Kepentingan kesihatan diri dalam pembangunan insan: analisis karya falsafah Hamka. *Jurnal Hadhari*, 5(2), 69-84.
- Jamil, HM. 2016. Hamka dan tafsir al-Azhar. *ISTISHLAH Jurnal Hukum Islam*. ix (2), 121-143.
- Noer, D. (1981). *Gerakan modern di Indonesia 1900-1942*. LP3ES: Jakarta.
- Rouf, A. & Yusoff, M. Y. (2013). Tafsir al-Azhar dan tasawuf menurut Hamka. *Jurnal Usuluddin*. 38, 1-30.
- Shafi’i, A.M (2014). Pengaruh tafsir al-Manar terhadap tafsir al-Azhar. *MIQOT*. XXXVIII (2), 263-276.
- Yusuf, M. Y. (2003). *Corak pemikiran kalam tafsir al-Azhar*. sebuah telaah atas pemikiran Hamka dalam teologi Islam. Penamadani: Jakarta.
- Yusuff, M.Y. & Sudiro, S. R. (2011). Isu-isu wanita dalam tafsir al-Azhar: kajian terhadap surah al-Nisa’. *Jurnal Usuluddin*. 33, 84-107.
- Zabidi, A. Z. M. & Ramle, M. R. (2017). *Tadabbur hikmah juzuk ‘Ammah*. Selangor : Dokumentari Kuliah Studio.